

19 FEB 1999

Majlis-peguam

MAJLIS PEGUAM AKAN MEMOHON STATUS PEMERHATI

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Majlis Peguam Malaysia akan memohon status pemerhati dalam Siasatan Suruhanjaya Bebas yang ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa berlaku semasa dalam tahan polis.

Suruhanjaya itu akan memulakan siasatannya Isnin ini.

Presiden Majlis Peguam Datuk Dr Cyrus Das berkata pihaknya sebagai sebuah badan yang mengambil berat dengan penguatkuasaan undang-undang dan keadilan berminat sepenuhnya dalam semua perkara mengenai keganasan sewaktu dalam tahanan untuk mencegahnya.

"Majlis Peguam berpuas hati kerana Suruhanjaya itu telah bertindak segera untuk memulakan tugasnya pada 22 Feb.

"Majlis Peguam berharap Suruhanjaya ini akan menyiapkan siasatnya dengan secepat mungkin dan mengemukakan laporan dan cadangannya kepada Yang di-Pertuan Agong," kata Das dalam satu kenyataan hari ini.

Penubuhan suruhanjaya itu telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas berikutan gesaan daripada berbagai pihak supaya kecederaan Anwar disiasat sepenuhnya.

Siasatan yang dilakukan oleh polis sebelum ini didapati tidak lengkap oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

Anwar, yang dipecatkan daripada Kabinet pada 2 Sept tahun lepas. dan ditahan dua minggu kemudiannya kerana didakwa mengetuai perhimpunan haram, muncul di mahkamah pada 29 Sept dengan mata kirinya lebam.

Anwar mendakwa bahawa beliau telah dipukul sehingga pingsan semasa dalam tahanan polis.

Das berkata majlis itu berharap keadilan akan dapat capai dan mereka yang bertanggungjawab kerana kecederaan itu dikenakan tindakan.

Majlis itu juga mengulangi gesaannya supaya suruhanjaya itu mengambil peluang ini untuk mengadakan garis panduan bagi mencegah keganasan dalam tahanan sebagaimana yang dilakukan di negara-negara lain.

"Majlis peguam bersedia untuk memberikan apa-apa bantuan kepada suruhanjaya itu, sekira diminta, mengenai undang-undang berhubung dengan keganasan dalam tahanan dalam perundangan tempatan dan asing," katanya.

-- BERNAMA

HS AHH WAT